

# Kualiti Sungai Liwagu pada tahap baik

UB 20.06.2012 B2

**KUALITI** air sungai-sungai di Liwagu, Tambunan masih pada tahap yang tinggi seperti penemuan yang diperolehi oleh pasukan penyelidik Ekspedisi Sainifik baru-baru ini, kata Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Madya Dr. Abdul Hamid Ahmad.

Penemuan oleh pasukan penyelidik ini diperolehi semasa ekspedisi yang diadakan di kawasan tadahan Liwagu, Tambunan pada 10-14 November 2011, telah dikongsikan dan disebarkan kepada umum melalui penganjuran bengkel pada 17 April lalu. Bengkel berkenaan dihadiri para pelajar SMK Dewa Wawasan dan ketua-ketua kampung di kawasan berkenaan.

Tujuan ekspedisi itu ialah untuk mengumpul maklumat penting bagi

menyokong pengurusan kawasan tadahan yang lebih baik. Kawasan tadahan Liwagu di Tambunan adalah projek WWF-Malaysia sejak Januari 2010, selama tempoh tiga tahun yang dibiayai oleh HSBC Bank Malaysia Bhd dan memberi tumpuan kepada pengurusan mapan sumber air tawar dan kawasan tadahan air.

Ekspedisi ini terbukti satu langkah pemuliharaan di mana dapatan kajian menunjukkan bahawa alam sekitar dan sumber asli di Liwagu, Tambunan sememangnya dalam keadaan baik.

Hasil daripada enam bidang penyelidikan telah dibentangkan di bengkel berkenaan, iaitu



**CAECILIAN** (*Ichthyophis* sp) antara spesies yang terdapat di kawasan Liwagu. Caecilians jarang didapati dan ia mungkin dijumpai di kawasan tidak terganggu terutamanya dalam hutan tropika dan lembap.

Piawaian Interim Kualiti Air Kebangsaan (INWQS) yang menyatakan bahawa sungai berkenaan boleh menampung spesies akuatik yang sangat sensitif dan memberi manfaat kepada pemuliharaan alam semula jadi," katanya.

Sementara itu Dr. Abdul Hamid berkata, secara keseluruhan, pihaknya mencatatkan ikan air tawar daripada tiga keluarga, dengan jumlah 16 spesies dan 61 individu, semua yang diketahui terdapat hanya di perairan sungai yang segar dan bersih.

"Ini adalah berita baik kerana ini bermakna bahawa Sungai Mensangoh adalah sihat dan komuniti Liwagu seharusnya meneruskan usaha mereka untuk terus menjaga dan mengekalkan persekitaran mereka," katanya.

Data yang direkodkan, amfibia daripada tujuh keluarga yang berbeza (enam untuk katak dan satu untuk caecilian) dengan jumlah 16 spesies (lima hanya boleh ditemui

kepelbagaian semut, pendedaran ikan air tawar, kawasan tadahan dan masyarakat, kepelbagaian amfibia, kepelbagaian dan pendedaran serangga akuatik, serta kualiti air sungai.

Pegawai Sains dan Pemuliharaan SWCS, Lee Ka Han, antara penemuan lain ialah kualiti air Sungai Mensangoh yang menunjukkan status kebersihan sungai mencecah tanda 94.5.

"Skor untuk kualiti air sungai mengikut Indeks Kualiti Air (WQI) adalah sama seperti sistem sekolah - tanda 100 bermakna kualiti air adalah pada tahap terbaik. Sungai Mensangoh mendapat skor markah tinggi iaitu 94.5 berdasarkan bacaan yang diambil pada 10 stesen pemantauan di sepanjang sungai.

"Ini menunjukkan bahawa status kualiti air sungai adalah bersih dan ia jatuh di bawah kelas I



**LIMNODYNASTES**, katak spesies finchii yang dikesan di kawasan Liwagu.

di Borneo) dan sejumlah lapan serangga akuatik yang dimiliki oleh 63 keluarga dan 2,157 individu dari ekspedisi itu, mengukuhkan kesimpulan bahawa kualiti alam sekitar di kawasan Liwagu masih di tahap paling atas.

Dalam pada itu, para peserta bengkel yang terdiri para pelajar SMK Dewa Wawasan dan ketua-ketua kampung di kawasan itu, gembira apabila mendengar keputusan positif daripada ekspedisi itu.

Mereka berharap UMS, SWCS dan WWF-Malaysia akan terus membantu melalui penyelidikan saintifik dalam menilai dan memantau kualiti alam sekitar kawasan tadahan Liwagu serta menyebarkan maklumat kepada masyarakat tempatan melalui acara kesedaran seumpama itu.

Seorang pelajar, Janyera Linus, berkata, "Saya seronok menghadiri bengkel ini kerana ia telah membuka mata dan memberi banyak pengetahuan mengenai alam sekitar di kawasan ini.

**“Tujuan ekspedisi itu ialah untuk mengumpul maklumat penting bagi menyokong pengurusan kawasan tadahan yang lebih baik. Kawasan tadahan Liwagu di Tambunan adalah projek WWF-Malaysia sejak Januari 2010, selama tempoh tiga tahun yang dibiayai oleh HSBC Bank Malaysia Bhd dan memberi tumpuan kepada pengurusan mapan sumber air tawar dan kawasan tadahan air.**

Saya sentiasa terbuka dan bersedia untuk menyertai sepenuhnya dalam mana-mana acara serupa pada masa akan datang.”

Penyelaras Air Tawar WWF-Malaysia, Daria Mathew berkata, bengkel ini mempunyai objektif yang jelas untuk menyebarkan maklumat daripada penyelidikan yang dijalankan semasa ekspedisi kepada masyarakat di kawasan itu.

“Kami berpuas hati dengan pandangan daripada para pelajar dan ketua-ketua kampung yang menyatakan bahawa bengkel itu sangat berguna kepada mereka dari segi pembelajaran dan

memperoleh pemahaman yang lebih baik mengenai persekitaran mereka serta meminta acara seperti ini diteruskan pada masa akan datang.

“Kerjasama dan sokongan daripada rakan-rakan kami, UMS dan SWCS, serta pembiayaan oleh HSBC adalah amat penting dalam merealisasikan bengkel ini dan memenuhi objektifnya,” katanya.

Selepas bengkel komuniti ini, WWF-Malaysia dan rakan kerjasamanya akan mengadakan bengkel lain di Kota Kinabalu untuk menyampaikan penemuan ekspedisi kepada khalayak yang lebih besar.

**“Data yang direkodkan, amfibia daripada tujuh keluarga yang berbeza (enam untuk katak dan satu untuk caecilian) dengan jumlah 16 spesies (lima hanya boleh ditemui di Borneo) dan sejumlah lapan serangga akuatik yang dimiliki oleh 63 keluarga dan 2,157 individu dari ekspedisi itu, mengukuhkan kesimpulan bahawa kualiti alam sekitar di kawasan Liwagu masih di tahap paling atas.**